



**KENYATAAN MEDIA**  
**SAGUHATI KHAS AIDILFITRI KEPADA PESAKIT PUSAT**  
**HEMODIALISIS ZAKAT (PHZ), ZAKAT PULAU PINANG, MAINPP**  
**TAHUN 2024M / 1445H**

---

Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) melalui Zakat Pulau Pinang telah mewujudkan Pusat Hemodialisis Zakat (PHZ) pada tahun 2001. PHZ merupakan projek agihan Zakat Pulau Pinang yang menawarkan perkhidmatan rawatan hemodialisis kepada asnaf yang mengalami kegagalan fungsi buah pinggang peringkat akhir.

Sehingga kini, PHZ mempunyai lapan (8) cawangan di seluruh Negeri Pulau Pinang yang memberikan rawatan percuma kepada 197 orang pesakit tanpa penajaan dari mana-mana agensi atau syarikat takaful. Pesakit yang menerima rawatan di semua cawangan PHZ merupakan asnaf kategori fakir, miskin dan ghorimin.

Sukacita dimaklumkan bahawa pada tahun 2024 / 1445H, Mesyuarat Khas Ahli Lembaga Pengarah Zakat Pulau Pinang Bil. 1/2024 telah meluluskan pemberian Saguhati Khas Aidilfitri kepada Pesakit-Pesakit PHZ, Zakat Pulau Pinang sebanyak RM500.00 seorang. Saguhati Khas ini melibatkan seramai 197 orang pesakit di seluruh cawangan PHZ.

Pemberian Saguhati Khas ini adalah sebagai salah satu keprihatinan MAINPP dalam membantu pesakit-pesakit PHZ membuat persiapan bagi menyambut Hari Raya Aidilfitri dengan kesyukuran dan kegembiraan.

‘Malaysia Madani’

“Amanah Ummah Dijaga, Hak Asnaf Dibela”

Sekian, terima kasih.

**YB. DATO’ DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID**

**Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang /**

**YDP Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang**

**4 APRIL 2024**